



**DANA BERKAITAN-PELABURAN**  
**Laporan Prestasi Dana**  
bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2016



## Kandungan

### Muka surat

Utusan Ketua Pegawai Operasi	1
Objektif Dana	2
Ulasan Pelaburan	
HLMT i-Balanced Fund	3 - 5
HLMT i-Income Fund	6 - 8
My Steady 10 Plan	9 - 10
HLMT i-Equity Fund	11 - 13
Pasaran Ekuiti dan Pendapatan Tetap	14 - 16
Tinjauan Pelaburan	17
Maklumat Kewangan	
Penyata Aset dan Liabiliti	18 - 21
Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan	22 - 23
Penyata Perubahan dalam Nilai Aset Bersih	24 - 25
Nota-nota kepada Maklumat Kewangan	26 - 34
Penyata Pengurus	35
Laporan Juruaudit Bebas	36 - 37



هوج ليونج م.س.أج. تكافل  
**HongLeong MSIG Takaful**

## UTUSAN KETUA PEGAWAI OPERASI

Kepada Semua Pemegang Sijil yang Dihargai,

Kami dengan sukacitanya membentangkan kepada anda laporan prestasi dana Hong Leong MSIG Takaful Berhad bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2016. Kami berharap laporan ini bermaklumat dan berguna dalam membantu anda membuat keputusan pelaburan untuk memenuhi matlamat kewangan anda pada masa hadapan.

Pasaran Malaysia amat mencabar semasa tahun kewangan berakhir 30 Jun 2016, dengan Indeks FBM Syariah merosot sebanyak 106 mata.

Walau bagaimana prestasi pasaran saham, kami berbesar hati untuk memaklumkan kepada anda bahawa bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2016, tiga daripada Dana Berkaitan Pelaburan kami, iaitu HLMT i-Income Fund, HLMT i-Balanced Fund dan MY Steady 10 Plan, telah mencatat pertumbuhan konsisten yang lebih tinggi dalam nilai aset bersih seunit serta purata pulangan tahunan berbanding prestasi penanda aras untuk 1 tahun, 3 tahun dan 5 tahun. Bagi HLMT i-Equity Fund, walaupun pertumbuhan yang lebih rendah dalam purata pulangan tahunan untuk prestasi 1 tahun berbanding penanda aras, ia berjaya mengatasi prestasi penanda aras 3 tahun. Anda boleh mendapatkan laporan terperinci dalam bahagian ulasan pelaburan di muka surat 3 hingga 13.

**Nik Norishky Thani Bin Nik Hassan Thani**  
Ketua Pegawai Operasi



## OBJEKTIF DANA

HLMT i-Balanced Fund bertujuan untuk mencapai pendapatan tetap serta pertumbuhan modal jangka sederhana hingga panjang melalui pelbagai portfolio pelaburan yang mengandungi ekuiti dan sekuriti pendapatan tetap.

HLMT i-Income Fund bermatlamat memelihara modal serta mencapai aliran pendapatan tetap melalui portfolio pelaburan yang sebahagian besarnya merangkumi sekuriti pendapatan tetap dan sebahagian kecil dalam sekuriti ekuiti.

My Steady 10 Plan merupakan satu dana tertutup Pendapatan Tetap 10 Tahun yang mematuhi Syariah. Dana ini membayar agihan pendapatan kasar yang dikontrakkan dengan kadar indikatif sebanyak 44.20% dan jumlah modalnya dilindungi apabila matang pada akhir 10 tahun. Aset-aset utamanya tertakluk kepada kadar Syariah.

HLMT i-Equity Fund bertujuan untuk mencapai pertumbuhan modal jangka panjang menerusi pelaburan dalam sekuriti syarikat yang tersenarai dan mematuhi Syariah.



## ULASAN PELABURAN

### HLMT i-BALANCED FUND


Bagi tempoh kewangan yang ditinjau, Dana mencapai pulangan sebanyak 1.91%, lebih tinggi daripada pulangan penanda aras sebanyak 1.12%. Ini disebabkan oleh pendekatan pelaburan konservatif yang diambil memandangkan saiz dana yang kecil dan keperluan untuk melindungi modal dengan tanggapan yang lebih lemah terhadap pasaran ekuiti. Pada akhir tahun kewangan, 62.30% daripada nilai aset bersih telah dilaburkan dalam bon Islam dan 22.94% dalam ekuiti patuh Syariah. Dana ini akan terus meningkatkan wajaran ekuiti dengan keutamaan untuk saham dengan jangkaan pendapatan dan sokongan dividen yang didagangkan pada penilaian yang boleh diterima.

Yuran pengurusan dana sebanyak 1.25% dan caj pentadbiran sebanyak RM5 sebulan telah dikenakan ke atas Dana sepanjang tahun ini.

Tiada sebarang perubahan dalam objektif, strategi, sekatan dan had pelaburan untuk dana sepanjang tahun ini. Tiada pengagihan yang dibuat dan dicadangkan sepanjang tahun ini.

Pada 30 Jun 2016

Perubahan Harga, Pengiraan diindekskan





## ULASAN PELABURAN

### HLMT i-BALANCED FUND (SAMB.)

Prestasi Dana					
	2016	2015	2014	2013	2012
Jumlah NAB (RM)	6,249,085	6,023,480	5,886,028	5,654,806	5,901,259
Bilangan unit	4,876,708	4,791,451	4,820,202	4,802,939	5,174,837
NAB seunit (RM)	1.2814	1.2571	1.2211	1.1774	1.1404
NAB seunit tertinggi sepanjang tahun kewangan (RM)	1.2814	1.2598	1.1923	1.1795	1.1459
NAB seunit terendah sepanjang tahun kewangan (RM)	1.2410	1.2144	1.1557	1.1414	1.1258
Jumlah pulangan tahunan dana - Pertumbuhan modal	1.91%	2.95%	2.51%	2.20%	1.98%
Purata pulangan tahunan - Dana					
- 1 tahun	1.91%	2.95%	2.51%	2.20%	1.98%
- 3 tahun	2.86%	4.23%	2.23%	2.65%	2.99%
- 5 tahun	3.31%	3.69%	3.50%	3.74%	3.68%
Purata pulangan tahunan - Penanda aras (50% FBM ESI + 50% SD)					
- 1 tahun	0.79%	-3.58%	6.03%	7.23%	3.62%
- 3 tahun	1.00%	3.11%	5.61%	7.14%	7.71%
- 5 tahun	2.74%	4.69%	9.25%	10.25%	6.02%

Komposisi portfolio mengikut kategori pelaburan					
	Wajaran %				
	2016	2015	2014	2013	2012
Sekuriti ekuiti disebutharga di Malaysia	22.94	24.22	20.99	4.33	3.99
Bon Islam tidak disebutharga	62.30	63.75	64.68	58.46	62.93
Deposit dengan institusi kewangan	14.76	12.03	14.33	37.21	33.08
	100.00	100.00	100.00	100.00	100.00



## ULASAN PELABURAN

### HLMT i-BALANCED FUND (SAMB.)

	Komposisi ekuiti dan unit amanah mengikut sektor				
	2016	2015	2014	2013	2012
Perdagangan/Perkhidmatan	54.61	45.88	44.5	69.19	49.42
Barangan Industri	9.92	22.18	17.31	4.26	7.54
Pertanian	5.63	2.89	3.96	-	-
Pembinaan	2.48	6.28	19.06	-	-
Hartanah	6.14	11.20	15.17	26.55	43.04
Barangan Pengguna	12.96	11.57	-	-	-
Teknologi	1.47	-	-	-	-
Infrastruktur	6.79	-	-	-	-
	100.00	100.00	100.00	100.00	100.00

	Komposisi bon Islam tidak disebutharga mengikut sektor				
	2016	2015	2014	2013	2012
Kerajaan	-	-	-	15.16	44.08
Agensi Kerajaan	-	-	-	-	12.82
Kewangan	92.13	92.11	92.16	75.74	43.10
Pembinaan	7.87	7.89	7.84	9.10	-
	100.00	100.00	100.00	100.00	100.00



## ULASAN PELABURAN

### HLMT i-INCOME FUND


Bagi tempoh kewangan yang ditinjau, Dana mencapai pulangan sebanyak 4.79%, lebih tinggi daripada pulangan penanda aras pada 1.85%. Ini adalah kerana dana ini tidak mempunyai pendedahan dalam ekuiti yang mengalami kemerosotan pulangan. Pada akhir tahun kewangan, 88.28% daripada dana ini telah dilaburkan dalam bon Islam.

Yuran pengurusan dana sebanyak 1% dan caj pentadbiran sebanyak RM5 sebulan telah dikenakan ke atas Dana sepanjang tahun ini.

Tiada sebarang perubahan dalam objektif, strategi, sekatan dan had pelaburan untuk dana sepanjang tahun ini. Tiada pengagihan yang dibuat dan dicadangkan sepanjang tahun ini.

Pada 30 Jun 2016

Perubahan Harga, Pengiraan diindekskan





## ULASAN PELABURAN

### HLMT i-INCOME FUND (SAMB.)

Prestasi Dana					
	2016	2015	2014	2013	2012
Jumlah NAB (RM)	3,267,648	3,119,674	2,958,923	2,959,334	2,941,932
Bilangan unit	2,260,723	2,263,055	2,273,146	2,335,896	2,419,754
NAB seunit (RM)	1.4454	1.3785	1.3017	1.2669	1.2158
NAB seunit tertinggi sepanjang tahun kewangan (RM)	1.4454	1.3785	2.5717	1.2826	1.2171
NAB seunit terendah sepanjang tahun kewangan (RM)	1.3810	1.3103	1.2465	1.2208	1.1861
Jumlah pulangan tahunan dana - Pertumbuhan modal	4.79%	5.91%	1.59%	3.38%	2.78%
Purata pulangan tahunan - Dana					
- 1 tahun	4.79%	5.91%	1.59%	3.38%	2.78%
- 3 tahun	4.51%	5.53%	2.58%	3.47%	4.09%
- 5 tahun	4.83%	4.72%	4.02%	5.24%	5.22%
Purata pulangan tahunan - Penanda aras (20% FBM ESI + 80% SD)					
- 1 tahun	1.85%	0.04%	4.13%	4.43%	3.01%
- 3 tahun	1.99%	2.85%	3.85%	4.37%	4.48%
- 5 tahun	2.68%	3.44%	5.79%	6.00%	4.53%

Komposisi portfolio mengikut kategori pelaburan					
	Wajaran %				
	2016	2015	2014	2013	2012
Bon Islam tidak disebutharga	88.28	100.00	100.00	85.05	72.18
Deposit dengan institusi kewangan	11.72	-	-	14.95	27.82
	100.00	100.00	100.00	100.00	100.00



## ULASAN PELABURAN

### HLMT i-INCOME FUND (SAMB.)

	Komposisi bon Islam tidak disebutharga mengikut sektor				
	Wajaran %				
	2016	2015	2014	2013	2012
Kerajaan	-	-	-	-	25.73
Agensi Kerajaan	16.28	14.98	16.93	-	4.91
Telekomunikasi	-	-	9.02	36.25	49.48
Infrastruktur	-	-	-	21.65	-
Kewangan	70.27	72.68	74.05	42.10	19.88
Pengangkutan	13.45	12.34	-	-	-
	100.00	100.00	100.00	100.00	100.00



## ULASAN PELABURAN

### MY STEADY 10 PLAN


MY Steady 10 Plan, satu dana tertutup Pendapatan Tetap 10 Tahun yang mematuhi Syariah, membayar agihan pendapatan kasar yang dikontrakkan pada kadar indikatif sebanyak 44.20% dan modalnya dilindungi apabila matang pada akhir 10 tahun. Aset rujukan asas tertakluk kepada kadar Islam.

Tiada caj yang dikenakan ke atas dana ini sepanjang tahun ini.

Tiada sebarang perubahan dalam objektif, strategi, sekatan dan had pelaburan untuk dana sepanjang tahun ini. Tiada pengagihan yang dibuat dan dicadangkan sepanjang tahun ini.

Pada 30 Jun 2016

Perubahan Harga, Pengiraan diindekskan





هوج ليونج م.س.أج. تكافل

**HongLeong MSIG Takaful**

## ULASAN PELABURAN

### MY STEADY 10 PLAN (SAMB.)

Prestasi Dana					
	2016	2015	2014	2013	2012
Jumlah NAB (RM)	3,676,508	3,565,052	3,607,499	3,553,868	3,643,228
Bilangan unit	2,914,576	3,012,776	3,220,960	3,240,600	3,338,800
NAB seunit (RM)	1.2614	1.1833	1.1200	1.0967	1.0912
NAB seunit tertinggi sepanjang tahun kewangan (RM)	1.2614	1.2541	1.1210	1.1390	1.0912
NAB seunit terendah sepanjang tahun kewangan (RM)	0.9340	1.1556	1.0858	1.0864	1.0032
Jumlah pulangan tahunan dana - Pertumbuhan modal	6.59%	5.62%	2.07%	9.08%	0.00%
Purata pulangan tahunan - Dana					
- 1 tahun	6.59%	5.62%	2.07%	9.08%	0.00%
- 3 tahun	4.75%	5.76%	3.65%	n/a	n/a
- 5 tahun	4.75%	n/a	n/a	n/a	n/a
Purata pulangan tahunan					
- Penanda aras (60 bulan NIDC)					
- 1 tahun	3.38%	2.91%	3.46%	3.15%	3.20%
- 3 tahun	3.25%	3.17%	3.27%	n/a	n/a
- 5 tahun	3.22%	n/a	n/a	n/a	n/a

Komposisi portfolio mengikut kategori pelaburan					
	Wajaran %				
	2016	2015	2014	2013	2012
Pelaburan berstruktur	100.00	100.00	100.00	100.00	100.00
	100.00	100.00	100.00	100.00	100.00



## ULASAN PELABURAN

### HLMT i-EQUITY FUND


Bagi tempoh kewangan yang ditinjau, Dana mencapai pulangan sebanyak -1.83%, pencapaian yang lebih rendah berbanding prestasi penanda aras yang merosot sebanyak 0.10%. Ini sebahagiannya disebabkan oleh penyusunan semula strategi portfolio. Pada akhir tahun kewangan, 50.3% daripada nilai aset bersih telah dilaburkan dalam ekuiti patuh Syariah dengan tanggapan yang lebih lemah terhadap ekuiti. Pada masa hadapan, dana ini akan terus meningkatkan pendedahan ekuitinya dengan keutamaan kepada saham patuh Syariah berpulangan tinggi dan saham bermodal besar yang didagangkan pada penilaian yang boleh diterima.

Yuran pengurusan dana sebanyak 1.50% telah dikenakan ke atas Dana sepanjang tahun ini.

Tiada sebarang perubahan dalam objektif, strategi, sekatan dan had pelaburan untuk dana sepanjang tahun ini. Tiada pengagihan yang dibuat dan dicadangkan sepanjang tahun ini.

Pada 30 Jun 2016

Perubahan Harga, Pengiraan diindekskan





## ULASAN PELABURAN

### HLMT i-EQUITY FUND (SAMB.)

Prestasi Dana				
	2016	2015	2014	2013 10 bulan
Jumlah NAB (RM)	12,763,056	2,807,926	1,934,272	1,303,459
Bilangan unit	11,314,819	2,443,388	1,638,151	1,205,476
NAB seunit (RM)	1.1280	1.1492	1.1808	1.0813
NAB seunit tertinggi sepanjang tahun kewangan (RM)	1.1280	1.1960	1.1232	1.0813
NAB seunit terendah sepanjang tahun kewangan (RM)	1.1040	1.1488	1.0156	1.0004
Jumlah pulangan tahunan/10 bulan dana - Pertumbuhan modal	-1.83%	-2.71%	8.09%	7.97%
Purata pulangan tahunan - Dana - 1 tahun/10 bulan	-1.83%	-2.71%	8.09%	7.97%
- 3 tahun	1.43%	n/a	n/a	n/a
- 5 tahun	n/a	n/a	n/a	n/a
Purata pulangan tahunan - Penanda aras (80% FBM ESI + 20% SD)				
- 1 tahun/10 bulan	-0.10%	-6.66%	7.24%	7.16%
- 3 tahun	0.00%	n/a	n/a	n/a
- 5 tahun	n/a	n/a	n/a	n/a

Komposisi portfolio mengikut kategori pelaburan				
	Wajaran %			
	2016	2015	2014	2013
Sekuriti ekuiti disebut harga di Malaysia	50.27	62.53	61.91	69.02
Deposit dengan institusi kewangan	49.73	37.47	38.09	30.98
	100.00	100.00	100.00	100.00



## ULASAN PELABURAN

### HLMT i-EQUITY FUND (SAMB.)


	Komposisi ekuiti dan unit amanah mengikut sektor			
	Wajaran %			
	2016	2015	2014	2013
Perdagangan/Perkhidmatan	53.65	66.99	65.42	82.35
Hartanah	4.00	11.49	10.84	-
Pembinaan	2.31	7.33	8.37	-
Infrastruktur	11.46	4.21	5.09	6.09
Pertanian	13.79	4.76	10.28	11.56
Barangan Pengguna	3.03	5.22	-	-
Kewangan	0.38	-	-	-
Teknologi	3.86	-	-	-
Barangan Industri	7.52	-	-	-
	100.00	100.00	100.00	100.00



## ULASAN PELABURAN

### Pasaran Ekuiti

**Indeks FTSE Malaysia Emas Shariah (1 Julai 2015 – 30 Jun 2016)**



Sumber: Bloomberg

Bagi tempoh yang ditinjau, pergerakan pasaran ekuiti global ditentukan oleh dasar kewangan bank-bank pusat yang mencapah walaupun tumpuan masih kekal pada arah kadar Rizab Persekutuan (Fed). Isu ini bertambah buruk dengan perang mata wang yang dicetuskan oleh penurunan nilai Yuan China, sementara data ekonomi menunjukkan bahawa pemulihran ekonomi adalah tidak sekata. Akhir sekali, keputusan Brexit yang di luar jangkaan mengakibatkan pasaran menjadi lebih tidak menentu dan bagi Malaysia khususnya, prestasi korporat yang mengecewakan berterusan.

FBMS diakhiri dengan penurunan 1% bagi tempoh di bawah tinjauan, penutupan pada 12,103 mata, dengan pulangan negatif selama 2 tahun berturut-turut. Walau bagaimanapun, bagi tahun kewangan ini, FBMS berprestasi lebih baik berbanding pasaran serantau lain seperti Hong Kong, Jepun dan Singapura bersandarkan kualiti defensif apabila pelabur menjadi lebih cenderung untuk mengurangkan risiko. FBMS juga mengatasi prestasi FBM KLCI terutamanya disebabkan oleh pengecualian saham kewangan dalam indeks.

Pasaran ekuiti bagi tempoh di bawah tinjauan bermula dalam keadaan yang sukar kerana ianya berhadapan dengan banyak peristiwa yang di luar jangkaan. Sentimen pelabur mula terjejas apabila Greece menjadi negara maju pertama yang memungkiri pembayaran hutang IMF. Pengumuman data ekonomi yang lebih teruk daripada jangkaan dari China dan zon Euro, penurunan nilai Yuan secara mengejut serta laporan Goldman Sachs Group yang mencadangkan bahawa harga minyak mentah boleh jatuh ke paras serendah AS\$20/tong berikutan lebihan bekalan global tidak membantu sentimen yang sudah lemah. Selaras dengan itu, FBMS menjunam ke paras serendah 10,902 mata pada bulan Ogos 2015.



هوج ليونج م.س.أج. تكافل

**HongLeong MSIG Takaful**

## ULASAN PELABURAN

### Pasaran Ekuiti (samb.)

Mujurnya, sentimen pelabur bertambah baik pada suku kedua tempoh kewangan berikutan jangkaan bahawa Fed akan menangguhkan kenaikan kadar faedah sementara Bank Pusat Eropah (ECB) meneruskan program pelonggaran kuantitatifnya. Fed akhirnya menaikkan kadar pada pertengahan Disember 2015 bersandarkan pemulihan ekonomi AS, namun kesannya tidak ketara. Ini kerana kenaikan sudah dijangkakan oleh pasaran. Di pasaran tempatan, walaupun pembentangan Bajet 2016 gagal merangsang pasaran tempatan, sentimen pelabur kelihatan pulih berikutan berita 1MDB menjual aset tenaganya kepada China General Nuclear Power Corp yang melenyapkan beberapa kebimbangan yang telah timbul sejak pertama kali isu 1MDB muncul.

Melangkah ke suku ketiga tempoh kewangan, pasaran baru menikmati aliran masuk asing yang kukuh berikutan mod risiko yang didorong oleh kenyataan "dovish" yang dibuat oleh Pengerusi Fed Janet Yellen, mengisyaratkan bahawa proses normalisasi kadar faedah akan mendorong kenaikan yang beransuran. Era kadar faedah yang rendah dan bekalan monetari yang tinggi ini juga dicetuskan oleh pelonggaran yang agresif oleh ECB dengan kadar negatif lebih mendalam serta Bank of Japan (BOJ) mengumumkan kadar faedah sebanyak -0.1% ke atas rizab berlebihan institusi kewangan yang dipegang di BOJ. Sementara itu, penggubal dasar di China memfokuskan semula tumpuan mereka pada pemulihan keyakinan pasaran di samping membendung aliran keluar yang turut memberi jaminan kepada pasaran ekuiti global.

Menjelang suku keempat tempoh kewangan, terdapat perbezaan antara pasaran maju dengan pasaran yang baru muncul. Walaupun pasaran maju seperti AS memperlihatkan kenaikan atas jangkaan data ekonomi yang bertambah baik, pasaran yang baru muncul berprestasi buruk berikutan kebimbangan terhadap kelembapan yang berterusan dalam ekonomi China. Sentimen global bertambah buruk apabila UK di luar jangkaan, menyokong pengundian untuk meninggalkan Kesatuan Eropah. Walau bagaimanapun, Malaysia kelihatan kurang dijejaskan oleh Brexit dan berikutannya, pasaran ini meraih manfaat daripada aliran masuk asing yang menyumbang kepada kenaikan FBMS.

## ULASAN PELABURAN

### Pasaran Pendapatan Tetap

Pasaran pendapatan tetap pada tahun kewangan di bawah tinjauan bergerak seiringan dengan pasaran ekuiti dari segi turun naik dan prestasi. Pasaran bon domestik memulakan tahun kewangan pada nada yang lemah, bertentangan dengan pasaran Perbendaharaan Amerika Syarikat (UST) kerana sentimen penghindaran risiko mendominasi pasaran tempatan. Permintaan untuk Sekuriti Kerajaan Malaysia (MGS) adalah lemah apabila pelabur mencari aset selamat sebagai tindak balas terhadap penurunan nilai Yuan secara mengejut oleh China. Tekanan terhadap jualan berterusan dengan pelemahan Ringgit Malaysia (RM) yang mendadak sementara ketidaktentuan politik tempatan serta kejatuhan harga minyak melemahkan lagi sentimen.

Berikutnya penjualan tersebut, kadar hasil MGS meningkat manakala pegangan asing menurun secara berterusan selama tiga bulan ke 45.6% dari 48.5% pada 30 Jun 2015. Suku ini juga memperlihatkan USD/RM meningkat ke paras melebihi 4.45 sebelum menetap pada 4.39 pada akhir bulan September. Sentimen pengurangan risiko juga menular ke pasaran bon korporat, yang memperlihatkan keluk hasil meningkat bagi semua tempoh pegangan.

Melangkah ke suku kedua tempoh di bawah tinjauan, hasil MGS mula berbalik apabila sentimen bertukar menjadi positif terhadap aset RM berikutan perkembangan positif tentang 1MDB, data ekonomi yang lebih baik dan rancangan China untuk melabur CNY50 bilion dalam bon tempatan dan pasaran ekuiti. Selain itu, langkah-langkah pelonggaran monetari oleh bank-bank pusat serantau juga merangsang minat pembelian di kalangan pelabur asing. Walau bagaimanapun, pasaran kekal tidak menentu disebabkan oleh turun naik harga minyak, jangkaan kenaikan kadar faedah Fed serta peningkatan risiko geopolitik.

Sementara itu, MGS terus meningkat pada suku ketiga tahun kewangan di bawah tinjauan apabila BNM mengumumkan penurunan 50 mata asas Keperluan Rizab Berkanun yang mendorong pembelian baharu. Selanjutnya, perangkaan semula Bajet 2016 di samping sentimen yang "dovish" oleh Fed serta pemulihan harga minyak secara sederhana pada sekitar paras USD40/bbl juga membantu mengukuhkan permintaan. Dengan ini, jumlah aliran masuk mencecah RM11.5bn pada akhir bulan Mac 2016, rekod tertinggi sejak Mei 2014. Oleh itu, tahap pemilikan asing bagi MGS adalah pada 48.7% dari segi amaun tertunggak manakala Kertas Islam Berdaulat adalah pada 7%. Berikutnya peningkatan dalam MGS, permintaan juga menular kepada bon, terutamanya didominasi oleh terbitan-terbitan Jaminan Kerajaan (GG) dan yang bertaraf AAA. Malah, terdapat minat belian murah kerana penyebaran kredit menjadi lebih menarik dengan kejatuhan mendadak hasil MGS.

Pasaran bon kekal tidak menentu pada suku terakhir tahun kewangan disebabkan oleh pengukuhan USD terhadap Ringgit di samping kebarangkalian yang lebih tinggi mengenai kenaikan kadar yang lebih awal daripada yang dijangkakan oleh Fed telah memulakan lagi jualan besar-besaran. Walau bagaimanapun, pasaran pendapatan tetap pulih disebabkan oleh penurunan kadar oleh Bank of Korea yang di luar jangkaan, yang mencetuskan pengagihan semula dana ke negara-negara Asia yang lain. Sekali lagi, hasil berbalik ketika referendum EU di UK semakin hampir apabila kebimbangan Brexit meningkat di samping Ringgit yang lebih lemah dan harga minyak yang jatuh merangsang pembelian asing. Dengan itu, pasaran pendapatan tetap mengakhiri tahun di bawah tinjauan dengan nada yang lebih positif.

## TINJAUAN PELABURAN

Bagi tinjauan masa hadapan, kami tetap optimistik di sebalik ketidaktentuan baharu yang disebabkan oleh Brexit, di samping keimbangan sedia ada: 1) pertumbuhan global yang tidak berkembang, 2) kelembapan dan risiko kredit di China dan 3) keputusan Pilihan Raya Presiden Amerika Syarikat. Ini kerana penggubal dasar di ekonomi utama dunia menyedari keperluan untuk melaksanakan kedua-dua dasar monetari dan fiskal untuk menggalakkan pertumbuhan termasuk memperkenalkan "helicopter money" yang bermaksud pembiayaan defisit fiskal yang lebih besar oleh bank pusat. Walau bagaimanapun, pengenalan Akaun Simpanan Syariah kepada semua ahli Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) mulai 17 Jan yang menerima permintaan kukuh daripada penyumbang dijangka akan terus memberi sokongan kepada sekuriti yang mematuhi Syariah.

Perkembangan makro global akan terus menjadi pengaruh yang besar ke atas hala tuju dan trend pasaran ekuiti dengan ketiadaan pemangkin tempatan yang ketara. Ini adalah kerana kami menjangka perolehan korporat Malaysia kekal lembap. Satu peristiwa penting yang perlu diperhatikan ialah Bajet Negara 2017 yang akan dibentangkan pada Oktober 2016. Bajet perlu 'mesra rakyat' di samping penambahan peruntukan pembangunan untuk menyokong pertumbuhan domestik ekonomi makro. Kerajaan juga dijangka akan meneruskan aktiviti-aktiviti perangsangan ekonomi yang boleh memberi kesan positif ke atas pasaran tempatan.

Oleh itu, kami berpendirian defensif dan berpandangan bahawa kemunduran yang ketara berfungsi sebagai satu peluang untuk memposisikan portfolio kami untuk jangka masa panjang. Kami berminat terhadap saham yang menghasilkan dividen tinggi seperti REITS terpilih yang mematuhi Syariah dan saham-saham pengguna, yang dikelilingi oleh turun naik semasa, persekitaran kadar faedah yang rendah dan pertumbuhan global yang perlakan. Walau bagaimanapun, berdasarkan perbelanjaan pembangunan yang pesat, kami juga bercadang untuk menambah lebih banyak syarikat pembinaan kerana sektor ini juga akan mendapat manfaat hasil daripada pelaksanaan projek-projek infrastruktur utama seperti MRT2, perlanjutan LRT, DASH dan SUKE.

Bagi tinjauan pendapatan tetap pula, dengan peristiwa-peristiwa politik dan ekonomi baru-baru ini, kami menjangkakan keadaan yang mencabar akan berterusan kerana angka data adalah faktor utama yang mempengaruhi hala tuju pasaran. Prospek ekonomi global kini menjadi semakin suram apabila trend pertumbuhan yang perlakan semakin nyata malahan dalam ekonomi yang sebelum ini kukuh seperti AS. Tambahan pula, ketidaktentuan yang disebabkan oleh Brexit juga akan menjelaskan produktiviti dan pertumbuhan EU yang mungkin mengakibatkan kesan terus-menerus di seluruh dunia selain daripada risiko politik perpecahan Kesatuan Eropah. Di sebalik situasi ini, pilihan raya presiden AS pada November serta dasar kewangan yang akomodatif di seluruh dunia akan mengehadkan peningkatan kadar hasil UST walaupun kenaikan kadar Fed yang di luar jangkaan boleh menjelaskan kesemua perkara tersebut.

Walau bagaimanapun, kami masih optimistik terhadap pasaran pendapatan tetap walaupun wujud ketidaktentuan dan kemungkinan turun naik kerana ini boleh mewujudkan peluang pelaburan sekiranya mod umum penghindaran risiko lenyap. Lebih-lebih lagi, dengan hasil negatif ditawarkan di beberapa negara maju, kami menjangkakan penempatan semula dana di pasaran yang baru muncul apabila pelabur menginginkan pulangan yang lebih tinggi. Dari segi strategi pelaburan, dana akan bersedia untuk mengambil kesempatan ke atas mana-mana pergerakan harga yang tidak rasional di samping peningkatan tumpuan perhatian terhadap hasil terbitan-terbitan primer.



هوج ليونج م.س.أج. تكافل  
**HongLeong MSIG Takaful**

## MAKLUMAT KEWANGAN

### PENYATA ASET DAN LIABILITI PADA 30 JUN 2016

	Nota	HLMT i-Balanced RM	HLMT i-Income RM	My Steady 10 Plan RM	HLMT i-Equity RM
<b>ASET</b>					
Pelaburan:					
Sekuriti ekuiti disebut harga di Malaysia	3	1,408,663	-	-	6,155,866
Bon Islam tidak disebut harga	3	3,807,516	3,143,422	-	-
Pelaburan berstruktur	3	-	-	4,486,179	-
Keuntungan terakru		18,219	18,879	-	-
Deposit dengan institusi kewangan		906,078	420,107	-	6,089,291
Jumlah pelaburan		6,140,476	3,582,408	4,486,179	12,245,157
Lain-lain aset:					
Cukai boleh diperolehi semula		-	-	-	2,400
Pelaburan belum terima		3,695	-	-	15,540
Lain-lain belum terima		28,706	-	-	413,016
Tunai dan kesetaraan tunai		310,111	-	-	284,107
Jumlah lain-lain aset		342,512	-	-	715,063
<b>JUMLAH ASET</b>		<b>6,482,988</b>	<b>3,582,408</b>	<b>4,486,179</b>	<b>12,960,220</b>



هوج ليونج م.س.أج. تكافل

HongLeong MSIG Takaful

**PENYATA ASET DAN LIABILITI  
PADA 30 JUN 2016 (SAMB.)**

	HLMT i-Balanced RM	HLMT i-Income RM	My Steady 10 Plan RM	HLMT i-Equity RM
<b>LIABILITI</b>				
Liabiliti cukai tertunda	8,943	3,213	69,774	2,501
Peruntukan bagi cukai	5,391	12,000	-	-
Lain-lain belum bayar	219,569	299,547	739,897	194,663
<b>JUMLAH LIABILITI</b>	<b>233,903</b>	<b>314,760</b>	<b>809,671</b>	<b>197,164</b>
 <b>ASET BERSIH HAK PEMEGANG SIJIL</b>				
	<u>6,249,085</u>	<u>3,267,648</u>	<u>3,676,508</u>	<u>12,763,056</u>
 <b>DIWAKILI OLEH</b>				
Nilai unit	8,129,820	2,336,802	2,818,087	13,173,306
(Kerugian)/pendapatan tidak diagihkan dihantar ke hadapan	(1,880,735)	930,846	858,421	(410,250)
	<u>6,249,085</u>	<u>3,267,648</u>	<u>3,676,508</u>	<u>12,763,056</u>
Nilai aset bersih hak pemegang sijil seunit	1.2814	1.4454	1.2614	1.1280

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian penting maklumat kewangan ini



هوج ليونج م.س.أج. تكافل

**HongLeong MSIG Takaful****PENYATA ASET DAN LIABILITI**

PADA 30 JUN 2015

	HLMT i-Balanced RM	HLMT i-Income RM	My Steady 10 Plan RM	HLMT i-Equity RM
<b>ASET</b>				
Pelaburan:				
Sekuriti ekuiti disebutuharga di Malaysia	1,451,590	-	-	1,273,613
Bon Islam tidak disebutuharga	3,803,181	3,400,457	-	-
Pelaburan berstruktur	-	-	4,233,627	-
Keuntungan terakru	18,219	19,002	-	-
Deposit dengan institusi kewangan	721,122	-	-	763,130
Jumlah pelaburan	5,994,112	3,419,459	4,233,627	2,036,743
Lain-lain aset:				
Pelaburan belum terima	6,024	-	-	800
Lain-lain belum terima	-	-	-	526,613
Tunai dan kesetaraan tunai	363,919	-	-	252,430
Jumlah lain-lain aset	369,943	-	-	779,843
<b>JUMLAH ASET</b>	<b>6,364,055</b>	<b>3,419,459</b>	<b>4,233,627</b>	<b>2,816,586</b>



هوج ليونج م.س.أج. تكافل

HongLeong MSIG Takaful

**PENYATA ASET DAN LIABILITI  
PADA 30 JUN 2015 (SAMB.)**

	HLMT i-Balanced RM	HLMT i-Income RM	My Steady 10 Plan RM	HLMT i-Equity RM
<b>LIABILITI</b>				
Liabiliti cukai tertunda	7,812	2,321	49,571	4,060
Peruntukan bagi cukai	16,391	12,000	-	4,600
Lain-lain belum bayar	316,372	285,464	619,003	-
<b>JUMLAH LIABILITI</b>	<b>340,575</b>	<b>299,785</b>	<b>668,574</b>	<b>8,660</b>
<b>ASET BERSIH HAK PEMEGANG SIJIL</b>				
	<u>6,023,480</u>	<u>3,119,674</u>	<u>3,565,052</u>	<u>2,807,926</u>
<b>DIWAKILI OLEH</b>				
Nilai unit	7,621,410	2,330,444	2,938,979	2,992,734
(Kerugian)/pendapatan tidak diagihkan dihantar ke hadapan	(1,597,930)	789,230	626,073	(184,808)
	<u>6,023,480</u>	<u>3,119,674</u>	<u>3,565,052</u>	<u>2,807,926</u>
Nilai aset bersih hak pemegang sijil seunit	1.2571	1.3785	1.1833	1.1492

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian penting maklumat kewangan ini



**PENYATA PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN  
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 30 JUN 2016**

	<b>HLMT i-Balanced RM</b>	<b>HLMT i-Income RM</b>	<b>My Steady 10 Plan RM</b>	<b>HLMT i-Equity RM</b>
Pendapatan pelaburan:				
Keuntungan pelaburan	188,799	158,300	-	60,822
Pendapatan dividen	47,727	-	-	65,438
Keuntungan modal atas pelaburan belum direalisasi	14,131	11,149	252,552	-
Lain-lain pendapatan	5,525	-	-	17,392
Jumlah pendapatan	256,182	169,449	252,552	143,652
Kerugian direalisasi bersih atas penjualan pelaburan	(131,627)	(7,254)	-	(86,120)
Kerugian modal atas pelaburan belum direalisasi	-	-	-	(19,489)
Yuran pengurusan pelaburan	(397,517)	(6,509)	-	(214,845)
Lain-lain perbelanjaan	(8,712)	(1,466)	-	(48,640)
Jumlah perbelanjaan	(537,856)	(15,229)	-	(369,094)
Lebihan (perbelanjaan berbanding pendapatan)/pendapatan berbanding perbelanjaan sebelum cukai	(281,674)	154,220	252,552	(225,442)
Perbelanjaan cukai	(1,131)	(12,604)	(20,204)	-
Lebihan (perbelanjaan berbanding pendapatan)/pendapatan berbanding perbelanjaan selepas cukai	(282,805)	141,616	232,348	(225,442)
(Kerugian)/pendapatan tidak diagihkan dibawa ke hadapan	(1,597,930)	789,230	626,073	(184,808)
(Kerugian)/pendapatan tidak diagihkan dihantar ke hadapan	(1,880,735)	930,846	858,421	(410,250)

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian penting maklumat kewangan ini



هوج ليونج م.س.أج. تكافل

**HongLeong MSIG Takaful****PENYATA PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN****BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 30 JUN 2015**

	HLMT i-Balanced RM	HLMT i-Income RM	My Steady 10 Plan RM	HLMT i-Equity RM
Pendapatan pelaburan:				
Keuntungan pelaburan	184,812	149,544	-	18,096
Pendapatan dividen	43,985	-	-	42,246
Keuntungan modal atas pelaburan belum direalisasi	-	39,036	209,974	-
Lain-lain pendapatan	1,704	-	-	9,447
Jumlah pendapatan	230,501	188,580	209,974	69,789
Kerugian direalisasi bersih atas penjualan pelaburan	(25,040)	-	-	-
Kerugian modal atas pelaburan belum direalisasi	(21,293)	-	-	(118,090)
Yuran pengurusan pelaburan	(648,717)	(10,302)	-	(186,156)
Lain-lain perbelanjaan	(1,565)	(434)	-	(15,024)
Jumlah perbelanjaan	(696,615)	(10,736)	-	(319,270)
Lebihan (perbelanjaan berbanding pendapatan)/pendapatan berbanding perbelanjaan sebelum cukai	(466,114)	177,844	209,974	(249,481)
Perbelanjaan cukai	(15,271)	(16,255)	(16,799)	(2,568)
Lebihan (perbelanjaan berbanding pendapatan)/pendapatan berbanding perbelanjaan selepas cukai	(481,385)	161,589	193,175	(252,049)
(Kerugian)/pendapatan tidak diagihkan dibawa ke hadapan	(1,116,545)	627,641	432,898	67,241
(Kerugian)/pendapatan tidak diagihkan dihantar ke hadapan	(1,597,930)	789,230	626,073	(184,808)

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian penting maklumat kewangan ini



هوج ليونج م.س.أج. تكافل  
**HongLeong MSIG Takaful**

**PENYATA PERUBAHAN DALAM NILAI ASET BERSIH  
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 30 JUN 2016**

	HLMT i-Balanced RM	HLMT i-Income RM	My Steady 10 Plan RM	HLMT i-Equity RM
Nilai aset bersih hak pemegang sijil pada permulaan tahun kewangan	6,023,480	3,119,674	3,565,052	2,807,926
Amaun diterima daripada pemegang sijil bagi penerbitan unit	946,828	38,513	-	10,282,200
Amaun dibayar kepada pemegang sijil bagi pembatalan unit	(438,418)	(32,155)	(120,894)	(101,630)
	6,531,890	3,126,032	3,444,158	12,988,496
(Perbelanjaan)/pendapatan bersih bagi tempoh kewangan, bersih daripada cukai Keuntungan/(kerugian) bersih belum direalisasi, bersih daripada cukai	(295,806)	131,359	-	(207,510)
	13,001	10,257	232,350	(17,930)
Nilai aset bersih hak pemegang sijil pada akhir tahun kewangan	6,249,085	3,267,648	3,676,508	12,763,056

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian penting maklumat kewangan ini



هوج ليونج م.س.أج. تكافل

HongLeong MSIG Takaful

**PENYATA PERUBAHAN DALAM NILAI ASET BERSIH  
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 30 JUN 2015**

	HLMT i-Balanced RM	HLMT i-Income RM	My Steady 10 Plan RM	HLMT i-Equity RM
Nilai aset bersih hak pemegang sijil pada permulaan tahun kewangan	5,886,028	2,958,923	3,607,499	1,934,272
Amaun diterima daripada pemegang sijil bagi penerbitan unit	1,023,351	18,062	-	1,199,318
Amaun dibayar kepada pemegang sijil bagi pembatalan unit	(404,514)	(18,900)	(235,622)	(73,615)
	6,504,865	2,958,085	3,371,877	3,059,975
(Perbelanjaan)/pendapatan bersih bagi tempoh kewangan, bersih daripada cukai (Kerugian)/keuntungan bersih belum direalisasi, bersih daripada cukai	(461,796)	125,675	-	(143,406)
	(19,589)	35,914	193,175	(108,643)
Nilai aset bersih hak pemegang sijil pada akhir tahun kewangan	6,023,480	3,119,674	3,565,052	2,807,926

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian penting maklumat kewangan ini

## NOTA-NOTA KEPADA MAKLUMAT KEWANGAN

### 1. AKTIVITI UTAMA DAN MAKLUMAT UMUM

Aktiviti-aktiviti utama HLMT i-Balanced Fund, HLMT i-Income Fund, My Steady 10 Plan dan HLMT i-Equity Fund (dengan ini dirujuk secara kolektif sebagai "Dana-dana") adalah untuk melabur dalam pelaburan yang dibenarkan.

Pengurus Dana adalah Hong Leong MSIG Takaful Berhad, sebuah syarikat yang diperbadankan di Malaysia, dimana aktiviti utamanya ialah pengurusan Takaful Keluarga termasuk perniagaan berkaitan pelaburan dan semua kelas perniagaan Takaful Am.

### 2. RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING

Dasar-dasar perakaunan berikut telah digunakan secara konsisten dalam pengendalian perkara perkara yang dianggap penting berhubung dengan pernyataan kewangan.

#### (a) Asas penyediaan

Maklumat kewangan telah disediakan selaras dengan dasar perakaunan yang dinyatakan dalam Nota 2 kepada maklumat kewangan dan Garis Panduan Mengenai Perniagaan Insurans/Takaful Berkaitan-Pelaburan yang diterbitkan oleh Bank Negara Malaysia ("BNM").

Penyediaan maklumat kewangan memerlukan penggunaan anggaran dan andaian kritikal yang memberi kesan ke atas amaun aset dan liabiliti yang dilaporkan serta pendedahan aset dan liabiliti luar jangkaan pada tarikh maklumat kewangan, dan amaun pendapatan dan perbelanjaan yang dinyatakan semasa tahun kewangan yang dilaporkan. Ia juga memerlukan Para Pengarah kepada Pengurus untuk membuat pertimbangan mereka dalam proses melaksanakan dasar-dasar perakaunan Dana. Walaupun anggaran dan pertimbangan tersebut adalah berdasarkan pengetahuan terbaik Para Pengarah kepada Pengurus mengenai peristiwa dan tindakan semasa, keputusan sebenar mungkin berbeza daripada anggaran.

Walaubagaimanapun, Para Pengarah kepada Pengurus berpendapat tiada anggaran dan andaian yang berisiko tinggi untuk menyebabkan pelarasan material ke atas amaun dibawa aset dan liabiliti hingga ke tahun kewangan seterusnya dan tiada dasar perakaunan yang memerlukan pertimbangan sewajarnya untuk dilaksanakan.

## NOTA-NOTA KEPADA MAKLUMAT KEWANGAN (SAMB.)

### 2 . RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)

- (b) Aset kewangan nilai saksama menerusi untung atau rugi ("FVTPL")

Dana menetapkan portfolio pelaburannya dalam nilai saksama melalui untung atau rugi aset kewangan pada permulaannya bagi melupuskan atau mengurangkan secara ketara pengukuran atau pengiktirafan yang tidak konsisten yang sebaliknya akan timbul apabila mengukur aset atau liabiliti atau mengiktiraf untung dan rugi ke atasnya pada asas yang berlainan.

Aset kewangan yang dikelaskan sebagai FVTPL pada permulaannya dinyatakan pada nilai saksama. Selepas pengiktirafan awal, aset kewangan diukur semula pada nilai saksama dengan pelarasan nilai saksama serta untung dan rugi direalisasikan diiktiraf dalam penyata pendapatan dan perbelanjaan.

- (c) Nilai saksama aset kewangan

Nilai saksama bagi Sekuriti Kerajaan Malaysia, Terbitan Pelaburan Kerajaan dan sekuriti korporat tidak disebutharga adalah berdasarkan petunjuk harga/indeks pasaran yang saksama dengan merujuk kepada sebutharga yang diberikan oleh bank dan para broker.

Nilai saksama sekuriti disebutharga adalah berdasarkan harga pasaran semasa. Jika pasaran bagi aset kewangan tidak aktif, Pengurus akan menetapkan nilai saksama dengan menggunakan teknik penilaian. Ini termasuk penggunaan transaksi tulus terkini, dengan merujuk kepada instrumen lain yang hampir sama, analisis aliran tunai terdiskaun dan model opsyen harga.

Pelaburan berstruktur adalah pelaburan di mana sebahagian daripada dana dilaburkan dalam instrumen pendapatan tetap yang diterbitkan oleh institusi kewangan manakala baki dana dilaburkan dalam instrumen yang dikaitkan dengan prestasi satu atau lebih harga, kadar, indeks, sekuriti dan instrumen kewangan lain. Pelaburan berstruktur dinilai pada nilai saksama, dengan merujuk kepada sebutharga yang diberikan oleh institusi kewangan yang menerbitkannya.

Tunai di bank dan deposit dengan institusi kewangan berlesen dinyatakan pada anggaran nilai dibawa pada tarikh penyata aset dan liabiliti.



هوج ليونج م.س.أج. تكافل

**HongLeong MSIG Takaful**

## **NOTA-NOTA KEPADA MAKLUMAT KEWANGAN (SAMB.)**

### **2 . RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)**

(d) Matawang asing

(i) Matawang fungsian dan pembentangan

Maklumat kewangan dibentangkan dalam Ringgit Malaysia (RM), iaitu matawang fungsian dan pembentangan Dana.

(ii) Transaksi dan baki matawang asing

Transaksi matawang asing ditukar kepada matawang fungsian menggunakan kadar pertukaran pada tarikh transaksi. Keuntungan dan kerugian pertukaran asing akibat daripada penyelesaian transaksi tersebut dan daripada transaksi pertukaran asing pada hujung tahun bagi aset dan liabiliti monetari yang didenominasi dalam mata wang asing telah dinyatakan dalam penyata pendapatan dan perbelanjaan.

(e) Tunai dan kesetaraan tunai

Tunai dan kesetaraan tunai terdiri daripada baki tunai dan deposit panggilan dengan institusi kewangan Islam dengan tempoh kematangan tiga bulan atau kurang.

(f) Pengiktirafan pendapatan

Pendapatan dividen diiktiraf apabila wujudnya hak untuk menerima dividen tersebut.

Keuntungan pelaburan diiktiraf atas dasar perkadaran masa yang mengambil kira kadar efektif aset.

Keuntungan atau kerugian yang timbul daripada pelupusan pelaburan dikredit atau dicajkan kepada penyata pendapatan dan perbelanjaan.

(g) Yuran pengurusan pelaburan

Yuran pengurusan pelaburan dikira menurut peruntukan dalam dokumen sijil berkaitan-pelaburan dan dicaj kepada penyata pendapatan dan perbelanjaan apabila ditanggung.



هوج ليونج م.س.أج. تكافل

**HongLeong MSIG Takaful**

## **NOTA-NOTA KEPADA MAKLUMAT KEWANGAN (SAMB.)**

### **2 . RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMB.)**

#### **(h) Cukai**

Cukai dalam penyata pendapatan dan perbelanjaan terdiri daripada cukai semasa dan cukai tertunda. Cukai semasa adalah amaun cukai yang dijangkakan perlu dibayar berdasarkan pendapatan bercukai bagi tahun kewangan tersebut mengikut kadar cukai yang telah digubal atau sebahagian besarnya telah digubal pada tarikh penyata aset dan liabiliti dan sebarang pelarasaran terhadap cukai perlu dibayar berhubung dengan tahun kewangan sebelumnya.

Cukai tertunda diiktiraf sepenuhnya menggunakan kaedah liabiliti, ke atas perbezaan sementara pada tarikh penyata aset dan liabiliti antara asas cukai aset dan liabiliti dan nilai dibawa dalam maklumat kewangan. Walau bagaimanapun, cukai tertunda tidak diambil kira jika ia timbul daripada pengiktirafan awal aset atau liabiliti dalam transaksi selain daripada kombinasi perniagaan yang pada masa transaksi tidak memberi kesan kepada keuntungan atau kerugian perakaunan atau yang boleh dikenakan cukai.

Aset cukai tertunda diiktiraf setakat mana terdapat kemungkinan bahawa keuntungan yang boleh dikenakan cukai akan tersedia ada dimana perbezaan sementara yang boleh ditolak cukai atau kerugian cukai yang belum digunakan boleh digunakan. Cukai tertunda diiktiraf di dalam penyata pendapatan dan perbelanjaan.

#### **(i) Penerbitan unit bersih**

Penerbitan unit bersih merupakan caruman yang dibayar oleh pemegang sijil sebagai bayaran untuk kontrak baru atau bayaran seterusnya untuk meningkatkan amaun kontrak tersebut. Penerbitan unit bersih diiktiraf apabila diterima.

#### **(j) Pembatalan unit bersih**

Pembatalan unit bersih merupakan pembatalan unit yang timbul daripada penyerahan semula dan pengeluaran oleh pemegang sijil. Pembatalan diiktiraf apabila kontrak takaful yang berkaitan diserahkan.



## NOTA-NOTA KEPADA MAKLUMAT KEWANGAN (SAMB.)

### 3 . PELABURAN

	Kuantiti (unit)	Kos (RM)	Nilai pasaran pada 30.06.2016 (RM)	% nilai aset bersih
--	--------------------	-------------	--	---------------------------

#### HLMT i-BALANCED FUND

##### Bon Islam tidak disebut harga:

Sekuriti Kerajaan Malaysia &

Cagamas:

- Cagamas MBS Berhad	1,000,000	922,700	1,000,090	16.00%
Bon Islam:				
- CIMB Islamic Bank Berhad	500,000	500,000	498,795	7.98%
- Imtiaz Sukuk Berhad	1,000,000	1,000,000	998,840	15.98%
- Gamuda Berhad	300,000	300,930	299,514	4.79%
- BGSM Management Sdn Bhd	500,000	503,870	508,767	8.14%
- Hong Leong Islamic Bank	500,000	500,025	501,510	8.03%
	2,800,000	2,804,825	2,807,426	44.92%
Jumlah bon Islam tidak disebut harga	3,800,000	3,727,525	3,807,516	60.92%

##### Sekuriti ekuiti disebut harga di Malaysia:

Perdagangan/Perkhidmatan:

- Axiata Group Berhad	15,369	89,837	86,527	1.38%
- Dialog Group Bhd	57,576	34,927	88,667	1.42%
- Media Chinese International	31,900	34,895	22,809	0.36%
- Pharmaniaga Bhd	35,000	153,405	192,500	3.08%
- Prestariang Berhad	9,000	26,866	17,820	0.29%
- Seg International Berhad	20,000	27,100	24,000	0.38%
- Tenaga Nasional Berhad	9,000	116,946	126,900	2.03%
- Westports Holdings Bhd	50,000	126,250	210,000	3.36%
	227,845	610,226	769,223	12.30%

##### Barangan industri:

- CB Industrial Product Holding Quoted	40,000	93,480	81,600	1.31%
- DRB-HICOM BHD	50,000	125,188	45,000	0.72%
- Petronas Chemicals Group Berhad	2,000	12,817	13,220	0.21%
	92,000	231,485	139,820	2.24%



هوج ليونج م.س.أج. تكافل

HongLeong MSIG Takaful

## NOTA-NOTA KEPADA MAKLUMAT KEWANGAN (SAMB.)

### 3 . PELABURAN (SAMB.)

	Kuantiti (unit)	Kos (RM)	Nilai pasaran pada 30.06.2016 (RM)	% nilai aset bersih
<b>HLMT i-BALANCED FUND (SAMB.)</b>				
<u>Sekuriti ekuiti disebutharga di Malaysia: (samb.)</u>				
Pertanian:				
- Boustead Plantations Bhd	30,000	48,480	44,400	0.71%
- Kuala Lumpur Kepong Berhad	1,500	36,115	34,890	0.56%
	31,500	84,595	79,290	1.27%
Pembinaan:				
- IJM Corporation Berhad	10,000	34,126	34,900	0.56%
Barangan Pengguna:				
- Apollo Food Holdings Berhad	4,800	27,674	27,600	0.44%
- Fraser & Neave Holdings Bhd	2,000	39,865	50,240	0.80%
- Padini Holdings Bhd	20,000	29,183	47,400	0.76%
- UMW Holdings Bhd	10,000	108,183	57,300	0.92%
	36,800	204,905	182,540	2.92%
Teknologi:				
- Inari Amertron Berhad	7,000	21,220	20,790	0.33%
Infrastruktur:				
- Digi.Com Bhd	20,000	98,506	95,600	1.53%
Hartanah:				
- SP Setia Bhd	5,000	16,060	14,500	0.23%
- Titijaya Land Berhad	50,000	75,750	72,000	1.15%
	55,000	91,810	86,500	1.38%
Jumlah sekuriti ekuiti disebutharga di Malaysia	480,145	1,376,873	1,408,663	22.53%
Jumlah keseluruhan	4,280,145	5,104,398	5,216,179	83.45%



هوج ليونج م.س.أج. تكافل

**HongLeong MSIG Takaful**

## NOTA-NOTA KEPADA MAKLUMAT KEWANGAN (SAMB.)

### 3 . PELABURAN (SAMB.)

	Kuantiti (unit)	Kos (RM)	30.06.2016 (RM)	Nilai pasaran pada 30.06.2016	% nilai aset bersih
<b>HLMT i-INCOME FUND</b>					
<u>Bon Islam tidak disebutharga:</u>					
Bon Islam:					
- CIMB Islamic Bank Berhad	500,000	500,000	498,795	15.26%	
- RHB Islamic Bank Berhad	500,000	500,000	504,955	15.45%	
- Imtiaz Sukuk Berhad	500,000	500,000	499,420	15.28%	
- BGSM Management Sdn Bhd	200,000	201,740	204,374	6.25%	
- P. Tabung Pendidikan Tinggi	500,000	501,490	511,760	15.66%	
- Hong Leong Islamic Bank	500,000	500,025	501,510	15.35%	
- Malaysia Airports Holdings	400,000	400,000	422,608	12.93%	
	3,100,000	3,103,255	3,143,422	96.18%	
Jumlah keseluruhan		3,100,000	3,103,255	3,143,422	96.18%
<b>MY STEADY 10 PLAN</b>					
<u>Pelaburan berstruktur:</u>					
- Standard Chartered Saadiq		3,614,000	3,614,000	4,486,179	122.02%



هوغ ليونج م.س.أج. تكافل  
HongLeong MSIG Takaful

## NOTA-NOTA KEPADA MAKLUMAT KEWANGAN (SAMB.)

### 3 . PELABURAN (SAMB.)

	Kuantiti (unit)	Kos (RM)	Nilai pasaran pada 30.06.2016 (RM)	% nilai aset bersih
<b>HLMT i-EQUITY FUND</b>				
<u>Sekuriti ekuiti disebutharga di Malaysia:</u>				
Perdagangan/Perkhidmatan:				
- Axiata Group Berhad	60,739	346,330	341,961	2.68%
- IHH Healthcare Berhad	65,000	425,735	429,000	3.36%
- Media Chinese International	257,000	225,261	183,755	1.44%
- Pharmaniaga Bhd	33,000	123,638	181,500	1.42%
- Prestariang Berhad	24,000	63,201	47,520	0.37%
- Seg International Berhad	150,000	186,289	180,000	1.41%
- Sime Darby Bhd	48,000	382,650	364,320	2.85%
- Sapurakencana Petroleum Berhad	140,000	218,563	205,800	1.61%
- Tenaga Nasional Bhd	87,000	1,157,833	1,226,700	9.61%
- Telekom Malaysia Bhd	20,950	114,884	141,832	1.11%
	885,689	3,244,384	3,302,388	25.86%
Hartanah:				
- SP Setia Bhd	60,000	193,163	174,000	1.36%
- Titijaya Land Berhad	50,000	75,750	72,000	0.56%
	110,000	268,913	246,000	1.92%
Pembinaan:				
- Gamuda Bhd	20,000	88,734	97,200	0.76%
- IJM Corporation Berhad	13,000	41,624	45,370	0.36%
	33,000	130,358	142,570	1.12%
Infrastruktur:				
- Digi.Com Bhd	100,000	471,470	478,000	3.75%
- Lingkaran Trans Kota Holdings Berhad	40,000	232,779	227,600	1.78%
	140,000	704,249	705,600	5.53%
Barangan industri:				
- Petronas Chemicals Group Berhad	70,000	449,144	462,700	3.63%



## NOTA-NOTA KEPADA MAKLUMAT KEWANGAN (SAMB.)

### 3 . PELABURAN (SAMB.)

	Kuantiti (unit)	Kos (RM)	Nilai pasaran pada 30.06.2016 (RM)	% nilai aset bersih
<b>HLMT i-EQUITY FUND (CONT'D)</b>				
<u>Sekuriti ekuiti disebutharga di Malaysia: (samb.)</u>				
Barangan Pengguna:				
- Apollo Food Holdings Berhad	7,000	40,358	40,250	0.32%
- Fraser & Neave Holdings Bhd	3,000	59,797	75,360	0.59%
- Padini Holdings Bhd	30,000	43,775	71,100	0.56%
	40,000	143,930	186,710	1.47%
Pertanian:				
- Boustead Plantations Bhd	20,000	32,320	29,600	0.23%
- Felda Global Ventures	167,000	320,626	252,170	1.98%
- Kuala Lumpur Kepong Berhad	3,500	84,138	81,410	0.64%
- Tanah Makmur Berhad	290,000	485,718	485,718	3.81%
	480,500	922,802	848,898	6.66%
Kewangan:				
- BIMB Holdings Berhad	6,000	22,283	23,400	0.18%
Teknologi:				
- Inari Amertron Berhad	80,000	238,544	237,600	1.86%
Jumlah keseluruhan	1,845,189	6,124,607	6,155,866	48.23%

### 4 . JADUAL PRESTASI

Jadual prestasi Dana dibentangkan di muka surat 3 hingga 13 dalam laporan prestasi dana.



هوج ليونج م.س.أج. تكافل  
**HongLeong MSIG Takaful**

## PENYATA PENGURUS

DANA BERKAITAN-PELABURAN, merangkumi  
HLMT i-Balanced Fund  
HLMT i-Income Fund  
My Steady 10 Plan  
HLMT i-Equity Fund

(dengan ini dirujuk secara kolektif sebagai "Dana-dana")

Saya, Nik Norishky Thani Bin Nik Hassan Thani, selaku Ketua Pegawai Operasi Hong Leong MSIG Takaful Berhad ("Pengurus"), menyatakan bahawa, pada pengetahuan dan kepercayaan terbaik Pengurus, maklumat kewangan yang dibentangkan pada muka surat 18 hingga 34 telah disediakan selaras dengan dasar perakaunan yang dinyatakan dalam Nota 2 kepada maklumat kewangan dan Garis Panduan Mengenai Perniagaan Insurans/Takaful Berkaitan-Pelaburan yang diterbitkan oleh Bank Negara Malaysia.

Bagi pihak Pengurus

**Nik Norishky Thani Bin Nik Hassan Thani**  
Ketua Pegawai Operasi

Petaling Jaya  
15 September 2016



هوج ليونج م.س.أج. تكافل

**HongLeong MSIG Takaful**

## LAPORAN JURUAUDIT

LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA PEMEGANG-PEMEGANG SIJIL  
DANA BERKAITAN-PELABURAN HONG LEONG MSIG TAKAFUL BERHAD YANG MERANGKUMI  
HLMT i-BALANCED FUND  
HLMT i-INCOME FUND  
MY STEADY 10 PLAN  
HLMT i-EQUITY FUND

(dengan ini dirujuk secara kolektif sebagai "Dana-dana")

## LAPORAN MAKLUMAT KEWANGAN

Kami telah mengaudit maklumat kewangan Dana-dana yang merangkumi penyata aset dan liabiliti pada 30 Jun 2016, penyata pedapatan dan perbelanjaan dan penyata perubahan nilai aset bersih Dana-dana bagi tahun kewangan yang berakhir pada tarikh tersebut serta ringkasan dasar perakaunan penting dan lain-lain nota penjelasan, sebagaimana dinyatakan pada halaman 18 hingga 34.

### Tanggungjawab Pengurus terhadap Maklumat Kewangan

Hong Leong MSIG Takaful Berhad ("Pengurus Dana") bertanggungjawab ke atas penyediaan maklumat kewangan selaras dengan dasar-dasar perakaunan yang dinyatakan dalam Nota 2 kepada maklumat kewangan dan Garis Panduan Perniagaan Insurans/ Takaful Berkaitan-Pelaburan yang diterbitkan oleh BNM, serta kawalan dalaman sebagaimana dianggap perlu oleh Pengurus Dana untuk membolehkan penyediaan maklumat kewangan yang bebas daripada kesilapan yang ketara, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan.

### Tanggungjawab Juruaudit

Tanggungjawab kami adalah untuk menyatakan pendapat kami mengenai maklumat kewangan ini berdasarkan audit kami. Kami telah melaksanakan audit selaras dengan piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia. Piawaian tersebut mewajibkan kami mematuhi keperluan etika di samping merancang dan melaksanakan audit tersebut untuk mendapatkan jaminan yang munasabah sama ada maklumat kewangan tersebut bebas daripada kesilapan yang ketara.

Pengauditan merangkumi pelaksanaan prosedur untuk mendapatkan bukti audit mengenai amaun dan pendedahan dalam maklumat kewangan. Prosedur yang dipilih bergantung kepada pertimbangan kami, termasuk penilaian risiko kesilapan yang ketara dalam maklumat kewangan, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan. Dalam membuat penilaian risiko tersebut, kami mempertimbangkan faktor kawalan dalaman yang berkaitan dengan penyediaan maklumat kewangan tersebut oleh Pengurus sebagai asas untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian dengan keadaan, tetapi bukan bertujuan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman pihak Pengurus. Pengauditan juga merangkumi penilaian kesesuaian dasar perakaunan yang digunakan dan kemunasabahan anggaran perakaunan yang dibuat oleh Pengurus, serta penilaian pembentangan maklumat kewangan secara keseluruhan.



هوج ليونج م.س.أج. تكافل

**HongLeong MSIG Takaful**

## LAPORAN JURUAUDIT (SAMB.)

LAPORAN JURUAUDIT BEBAS KEPADA PEMEGANG-PEMEGANG SIJIL  
DANA BERKAITAN-PELABURAN HONG LEONG MSIG TAKAFUL BERHAD YANG MERANGKUMI  
HLMT i-BALANCED FUND  
HLMT i-INCOME FUND  
MY STEADY 10 PLAN  
HLMT i-EQUITY FUND

(dengan ini dirujuk secara kolektif sebagai "Dana-dana")

## LAPORAN MAKLUMAT KEWANGAN (SAMB.)

### Tanggungjawab Juruaudit (samb.)

Kami percaya bahawa bukti audit yang kami perolehi adalah mencukupi dan bersesuaian untuk menyediakan asas untuk pendapat audit kami.

### Pendapat

Pada pendapat kami, maklumat kewangan Dana-dana ini telah disediakan selaras dengan dasar-dasar perakaunan yang dinyatakan dalam Nota 2 kepada maklumat kewangan dan Garis Panduan Perniagaan Insurans/Takaful Berkaitan-Pelaburan yang dikeluarkan oleh BNM.

## PERKARA LAIN

Laporan ini dibuat khusus untuk pemegang polisi Dana-dana, sebagai satu badan selaras dengan Garis Panduan mengenai Perniagaan Insurans/Takaful Berkaitan-Pelaburan yang diterbitkan oleh BNM, dan bukan untuk sebarang tujuan yang lain. Kami tidak bertanggungjawab kepada mana-mana pihak lain untuk kandungan laporan ini.

PRICEWATERHOUSECOOPERS  
(No. AF:1146)  
Akauntan Bertauliah

Kuala Lumpur  
15 September 2016

**Hong Leong MSIG Takaful Berhad** (738090-M)

Level 5, Tower B, PJ City Development,

No. 15A, Jalan 219, Seksyen 51A,

46100 Petaling Jaya, Selangor

Tel: +603-7650 1800

Faks: +603-7620 6730

[www.hlmsigtakaful.com.my](http://www.hlmsigtakaful.com.my)